

Program Akademi al-Quran memanfaatkan

PERTANDINGAN akhir Akademi al-Quran musim kedua (AQ) mengangkat juara baru iaitu Anuar Hasin di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), baru-baru ini. Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia merakamkan ucapan tahniah kepada Anuar Hasin, Hafaz Ali, Muslim Ali dan finalis lain kerana berjaya menjadi ikon buat remaja hari ini untuk mencontohi mereka.

Program realiti televisyen bermanfaat ini menarik beribu-ribu penonton untuk menyaksikan bacaan al-Quran finalis dan tidak kurang pula mereka yang menonton menerusi televisyen di rumah masing-masing.

Program bertemakan 'Melahirkan Generasi al-Quran' boleh memberi ilmu bermanfaat khususnya ilmu bacaan al-Quran bagi penonton yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat sama ada kanak-kanak, remaja mahupun dewasa.

Senario penerbitan TV sekarang ini banyak mengajak penonton ke era program realiti TV, tampilnya AQ ini dapat memberi juadah berlainan kepada remaja khususnya di kala remaja kini dihidang dengan pelbagai rancangan realiti TV tidak bermanfaat.

MPP USIM mengucapkan tahniah kepada TV9 dan krew penerbitan kerana istiqamah untuk meneruskan program bermanfaat sebegini dan saya percaya program keagamaan yang diberi nafas baru ini mampu menyuntik selera penonton untuk memilih rancangan ini sebagai pilihan dekat di hati.

Program yang menguji kebolehan remaja untuk mengalunkan bacaan mereka mengikut taranum dan riwayat Qiraat yang terbahagi kepada 12 riwayat seperti riwayat warash,

hamzah, hafaz dan banyak lagi.

Penonjolan kaedah unik bacaan seni al-Quran ini membuka mata masyarakat dan memberi ilmu baru kepada mereka mengenai seni al-Quran yang mempesonakan. Kebanyakan rancangan remaja hari ini lebih diperlihatkan siaran berbentuk hiburan namun program keilmuan sebegini kurang dipertontonkan.

Ramai cepat menghukum atau membuat hipotesis awal menuduh remaja kita tidak berminat untuk menonton siaran keilmuan seperti ini, namun hakikatnya bukanlah mereka ini tidak minat tetapi mereka tidak dihamparkan siaran ilmiah mengikut selera jiwa muda.

Saya yakin dan percaya jika siaran keilmuan atau keagamaan diberi nafas baru mengikut rentak gaya remaja secara tidak langsung akan menarik perhatian mereka untuk menonton serta mengambil mutiara ilmu didalamnya.

Saya mengambil kesempatan ini untuk menegur segelintir program rancangan realiti TV yang mempengaruhi muda mudi dan kanak-kanak untuk terjun dalam dunia populariti. Sejak kewujudan Akademi Fantasia dan beberapa lagi rancangan realiti TV berunsur hiburan dan kini pula mengembangkan sayapnya dengan program realiti TV buat kanak-kanak yang masih bersekolah.

Semoga program bermanfaat Akademi al-Quran ini akan dapat membantu memberi kefahaman Islam dan dapat mengeluarkan lebih ramai bintang AQ yang akan menjadi ikon buat remaja.

MOHD HARIRI MOHAMAD,
Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar Usim.